

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan.

Kajian ini bertujuan melihat tahap pemahaman dan pengetahuan mengenai sekolah bestari. Kajian juga bertujuan untuk menentukan bentuk dan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari yang sesuai dengan kehendak dan keperluan guru-guru pada masa hadapan. Bab 4 ini akan memberikan jawapan kepada soalan-soalan tersebut.

4.2 Keputusan kajian.

Butir-butir lengkap tentang sampel kajian berdasarkan bangsa, jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi, kelayakan profesional tertinggi, bilangan kursus yang telah diikuti dan peringkat program perkembangan staf yang telah dihadiri oleh guru terdapat dalam Jadual 2 hingga Jadual 8 di bawah.

Taburan sampel mengikut bangsa adalah seperti Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Taburan sampel kajian mengikut bangsa.

Bangsa	Peratus (%)	Jumlah (N)
Melayu	82	41
Cina	12	06
India	06	03
Jumlah	100	50

Jadual 2 menunjukkan bahawa 82 % (41) sampel kajian terdiri daripada Melayu diikuti 12 % (6) sampel kajian berbangsa Cina dan 6 % (3) sampel kajian adalah India. Ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi adalah daripada bangsa Melayu (82 %) dan terendah adalah bangsa India (6 %).

Taburan sampel kajian mengikut jantina adalah seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3 : Taburan sampel kajian mengikut jantina.

Jantina	Peratus (%)	Jumlah (N)
Lelaki	54	27
Perempuan	46	23
Jumlah	100	50

Jadual 3 menunjukkan bahawa 54 % (27) sampel kajian terdiri daripada guru lelaki dan 46 % (23) terdiri daripada guru perempuan. Perangkaan ini menunjukkan bahawa peratus sampel kajian guru lelaki (54 %) lebih tinggi daripada guru perempuan (46 %).

Taburan sampel kajian mengikut umur adalah seperti dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 : Taburan sampel kajian mengikut umur.

Umur (Tahun)	Peratus (%)	Jumlah (N)
Kurang 30	10	05
31 - 40	68	34
41 - 50	18	09
Lebih 50	04	02
Jumlah	100	50

Jadual 4 menunjukkan bahawa 10 % (5) sampel kajian terdiri daripada guru berumur kurang 30 tahun, 68 % (34) guru berumur 31 - 40 tahun , 18 % (9) berumur 41 - 50 tahun dan 4 % (2) sampel kajian berumur lebih 50 tahun. Perangkaan ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi adalah berumur antara 31 - 40 tahun (68 %) dan terendah adalah daripada guru berumur lebih 50 tahun (4 %).

Selain itu taburan sampel kajian mengikut kelayakan akademik tertinggi adalah seperti dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Taburan sampel mengikut kelayakan akademik tertinggi.

Kelayakan akademik tertinggi	Peratus (%)	Jumlah (N)
MCE / SPM	06	03
HSC / STPM	10	05
Ijazah	78	39
Lain - lain	06	03
Jumlah	100	50

Jadual 5 menunjukkan bahawa 6 % (3) sampel kajian mempunyai kelayakan akademik MCE / SPM, 10 % (5) sampel kajian mempunyai HSC / STPM, 78 % (39) sampel kajian mempunyai kelayakan Ijazah dan 6 % (3) sampel kajian mempunyai kelayakan akademik yang lain. Perangkaan ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi mempunyai kelayakan akademik Ijazah (78 %) dan peratus sampel kajian terendah mempunyai kelayakan akademik MCE / SPM (6 %).

Selain itu taburan sampel kajian mengikut kelayakan profesional tertinggi dapat ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6 : Taburan sampel kajian mengikut kelayakan profesional tertinggi.

Kelayakan Profesional tertinggi	Peratus (%)	Jumlah (N)
Sijil Maktab Perguruan	22	11
Diploma/Sijil Pendidikan	38	19
Ijazah	40	20
Jumlah	100	50

Jadual 6 menunjukkan 22 % (11) sampel kajian mempunyai Sijil Maktab Perguruan, 38 % (19) sampel kajian mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan dan 40 % (20) mempunyai Ijazah. Ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi adalah mempunyai Ijazah (40 %) dan terendah mempunyai Sijil Maktab Perguruan (22 %).

Taburan sampel kajian mengikut bilangan program perkembangan staf yang telah dihadiri sekolah bestari ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Taburan sampel kajian mengikut bilangan program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri.

Bilangan Program Perkembangan Staf yang telah dihadiri	Peratus (%)	Jumlah (N)
Tidak pernah	08	04
1 - 5 kali	86	43
6 - 10 kali	06	03
Jumlah	100	50

Jadual 7 menunjukkan 8 % (4) sampel kajian tidak pernah mengikuti program, 86 % (43) sampel kajian mengikuti antara 1 - 5 kali dan 6 % (3) sampel kajian mengikuti antara 6-10 kali program perkembangan staf sekolah bestari. Perangkaan ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi yang mengikuti program perkembangan staf sekolah bestari adalah antara 1 - 5 kali (86 %) dan terendah adalah tidak pernah mengikuti program perkembangan staf sekolah bestari (6 %).

Akhir sekali taburan sampel kajian mengikut peringkat program perkembangan staf yang telah dihadiri adalah seperti Jadual 8 di bawah.

Jadual 8 : Taburan sampel kajian mengikut peringkat program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri

Peringkat program perkembangan staf yang telah dihadiri	Peratus (%)	Jumlah (N)
Kebangsaan	08	04
Negeri	02	01
Daerah	00	00
Sekolah	90	45
Jumlah	100	50

Jadual 8 menunjukkan bahawa 8 % (4) sampel kajian menghadiri program perkembangan staf di peringkat kebangsaan, 2 % (1) sampel kajian menghadiri program perkembangan staf di peringkat negeri dan 90 % (45) sampel kajian mengikuti program perkembangan staf di peringkat sekolah. Perangkaan ini menunjukkan peratus sampel kajian tertinggi mengikuti program perkembangan staf sekolah bestari di peringkat sekolah (90 %) dan terendah pula ialah guru mengikuti program perkembangan staf ini di peringkat negeri (2 %).

Analisis berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang dikemukakan dalam Bab I.

4.2.1 Soalan kajian 1.

Sejauhmanakah pengetahuan dan pemahaman guru-guru mengenai sekolah bestari ?

Jadual 9 : Tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai sekolah bestari.

Ciri - ciri sekolah bestari	Tahap pengetahuan dan pemahaman guru tentang sekolah bestari				Jumlah
	Amat Faham	Faham	Kurang Faham	Tidak faham	
Konsep dan matlamat sekolah bestari	4 % (2)	82 % (41)	14 % (7)	0 % (0)	100 % (50)
Penggunaan teknologi maklumat (IT)	4 % (2)	68 % (34)	26 % (13)	2 % (1)	100 % (50)
Konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari.	2 % (1)	54 % (27)	36 % (18)	8 % (4)	100 % (50)
Pengisian kurikulum sekolah bestari	2 % (1)	32 % (16)	58 % (29)	8 % (4)	100 % (50)
Pengurusan dan pentadbiran sumber secara efektif	26 % (13)	62 % (31)	12 % (6)	0 % (0)	100 % (50)
Peranan dan sumbangan badan luar yang berkepentingan	32 % (16)	52 % (26)	16 % (8)	0 % (0)	100 % (50)

Jadual 9 menunjukkan 4 % (2) guru menyatakan amat faham, 82 % (41) guru faham dan 14 % (7) guru kurang faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari. Perangkaan ini menunjukkan peratus guru yang tertinggi menyatakan faham

(82 %) mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari dan peratus guru terendah menyatakan amat faham (4 %) mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari .

Jadual 9 juga menunjukkan 4 % (2) guru amat faham, 68 % (34) guru faham, 26 % (13) guru kurang faham dan 2 % (1) guru tidak faham mengenai penggunaan teknologi maklumat (IT). Ini menunjukkan peratus tertinggi guru menyatakan faham (68 %) dan peratus terendah guru menyatakan tidak faham (2 %) mengenai penggunaan teknologi maklumat (IT).

Berdasarkan Jadual 9 menunjukkan 2 % (1) guru menyatakan amat faham, 54 % (27) guru faham, 36 % (18) guru kurang faham dan 8 % (4) guru tidak faham mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru adalah faham (54 %) dan peratus terendah guru adalah amat faham (2 %) mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari.

Jadual 9 juga menunjukkan 2 % (1) guru amat faham, 32 % (16) guru faham, 58 % (29) guru kurang faham dan 8 % (4) guru tidak faham mengenai pengisian kurikulum sekolah bestari. Dapatkan ini menunjukkan peratus tertinggi guru menyatakan kurang faham (58 %) dan peratus terendah guru amat faham (2 %) mengenai pengisian kurikulum sekolah bestari.

Jadual 9 menunjukkan 26 % (13) guru amat faham, 62 % (31) guru faham, 12 % (6) guru kurang faham mengenai pengurusan dan pentadbiran sumber secara efektif. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru faham (62 %) dan peratus

terendah guru kurang faham (12 %) mengenai pengurusan dan pentadbiran sumber secara efektif.

Jadual 9 juga menunjukkan 32 % (16) guru amat faham , 52 % (26) guru faham, 16 % (8) guru kurang faham mengenai peranan dan sumbangan badan luar yang berkepentingan. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru faham (52 %) dan peratus terendah guru kurang faham (16%) mengenai peranan dan sumbangan badan luar yang berkepentingan.

Kesimpulannya lima aspek mengenai kefahaman dan pengetahuan guru mengenai sekolah bestari dalam soalan 1 menunjukkan peratus tertinggi guru pada tahap faham. Satu aspek iaitu pengisian kurikulum sekolah bestari peratus tertinggi guru pada tahap kurang faham.

4.2.2 Soalan Kajian 2.

Sejauhmanakah program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru ?

Ciri program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri oleh guru - guru ditunjukkan dalam Jadual 10 .

Jadual 10 : Ciri program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri oleh guru-guru

Ciri program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri	Menepati kehendak dan keperluan guru				Jumlah
	Sangat setuju	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	
Menambahkan pengetahuan dalam konsep dan tujuan sekolah bestari	24 % (12)	62 % (31)	6 % (3)	8 % (4)	100 % (50)
Memberikan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran	24 % (12)	54 % (27)	16 % (8)	6 % (3)	100 % (50)
Menambahkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran	22 % (11)	52 % (26)	20 % (10)	6 % (3)	100 % (50)
Keperluan peserta di kenal pasti	10 % (5)	36 % (18)	42 % (21)	12 % (6)	100 % (50)
Jadual waktu disesuaikan mengikut keselesaan peserta	8 % (4)	40 % (20)	36 % (18)	16 % (8)	100 % (50)
Jangka masa kursus disesuaikan dengan kehendak peserta	10 % (5)	38 % (19)	44 % (22)	8 % (4)	100 % (50)

Sambungan Jadual 10.

Saya dapat mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan IT	6 % (3)	26 % (13)	48 % (24)	20 % (10)	100 % (50)
Persediaan pengajar adalah amat baik	6 % (3)	40 % (20)	38 % (19)	16 % (8)	100 % (50)
Gaya penyampaian membuat peserta rasa ingin belajar lagi dan tidak jemu	10 % (5)	54 % (27)	28 % (14)	8 % (4)	100 % (50)
Masa yang cukup diberikan untuk bersoal jawab	8 % (4)	48 % (24)	32 % (16)	12 % (6)	100 % (50)

Dari Jadual 10 menunjukkan 24 % (12) guru sangat setuju, 62 % (31) guru setuju, 6 % (3) guru tidak setuju dan 8 % (4) guru tidak pasti program perkembangan staf yang diikuti dapat menepati kehendak dan keperluan guru dalam menambahkan pengetahuan mengenai konsep dan tujuan sekolah bestari. Peratus tertinggi guru menyatakan setuju (62 %) dan peratus terendah guru menyatakan tidak setuju (6 %) bahawa program perkembangan staf yang dihadiri dapat menepati kehendak dan keperluan guru untuk menambahkan pengetahuan mengenai konsep dan tujuan sekolah bestari.

Jadual 10 juga menunjukkan 24 % (12) guru sangat setuju, 54 % (27) guru setuju, 16 % (8) guru tidak setuju dan 6 % (3) guru tidak pasti program perkembangan staf yang telah dihadiri dapat memenuhi kehendak dan keperluan guru

untuk memberikan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Perangkaan ini juga menunjukkan peratus tertinggi guru menyatakan setuju (54 %) dan peratus terendah guru menyatakan tidak pasti (6 %) program perkembangan staf yang dihadiri dapat memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran

Jadual 10 menunjukkan 22 % (11) guru sangat setuju, 52 % (26) guru setuju, 20 % (10) guru tidak setuju dan 6 % (3) guru tidak pasti program perkembangan staf yang dihadiri dapat menambahkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran. Perangkaan ini membuktikan peratus tertinggi guru menyatakan setuju (52 %) dan peratus terendah guru menyatakan tidak pasti (6 %) program perkembangan staf yang dihadiri dapat menambahkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran.

Jadual 10 turut menunjukkan 10 % (5) guru sangat setuju, 36 % (18) guru setuju, 42 % (21) guru tidak setuju dan 12 % (6) guru tidak pasti program perkembangan staf yang diikuti telah mengenalpasti keperluan peserta. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru tidak setuju (42 %) berbanding peratus terendah guru sangat setuju (10 %) bahawa program perkembangan staf yang telah diikuti mengenalpasti keperluan peserta.

Jadual 10 menunjukkan 8 % (4) guru sangat setuju, 40 % (20) guru setuju, 36 % (18) guru tidak setuju dan 16 % (8) guru tidak pasti bahawa program perkembangan staf yang telah dihadiri dijalankan pada waktu yang sesuai mengikut keselesaan peserta. Dapatan ini juga menunjukkan peratus tertinggi guru setuju (40 %)

berbanding peratus terendah guru sangat setuju (8 %) program perkembangan staf yang lepas dijalankan pada waktu yang sesuai mengikut keselesaan peserta.

Jadual 10 menunjukkan 10 % (5) guru sangat setuju, 38 % (19) guru setuju, 44 % (22) guru tidak setuju dan 8 % (4) guru tidak pasti menyatakan program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru dari segi jangka masa kursus disesuaikan dengan kehendak peserta. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan peratus tertinggi guru tidak setuju (44 %) berbanding peratus terendah guru tidak pasti (8 %) program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru dalam aspek jangka masa kursus disesuaikan dengan kehendak peserta.

Jadual 10 turut menunjukkan 6 % (3) guru setuju, 26 % (13) guru setuju, 48 % (24) guru tidak setuju dan 20 % (10) guru tidak pasti program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri dapat membantu guru mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan IT. Perangkaan juga menunjukkan peratus tertinggi guru tidak setuju (48 %) berbanding peratus terendah guru sangat setuju (6 %) program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri dapat membantu guru mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan IT.

Jadual 10 menunjukkan 6 % (3) guru sangat setuju, 40 % (20) guru setuju, 38 % (19) guru tidak setuju dan 16 % (8) guru tidak pasti menyatakan persediaan pengajar adalah amat baik dalam program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadirinya. Perangkaan juga menunjukkan peratus tertinggi guru setuju (40 %)

berbanding peratus terendah guru sangat setuju (6 %) bahawa persediaan pengajar adalah amat baik dalam program perkembangan staf yang telah dihadiri.

Jadual 10 menunjukkan 10 % (5) guru sangat setuju, 54 % (27) guru setuju, 28 % (14) guru tidak setuju dan 8 % (4) guru tidak pasti menyatakan gaya penyampaian pengajar dalam program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri membuatkan peserta rasa ingin belajar lagi dan tidak jemu. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru setuju (54 %) berbanding peratus terendah guru tidak pasti (8 %) menyatakan gaya penyampaian pengajaran dalam program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri membuatkan peserta rasa ingin belajar dan tidak jemu.

Dari Jadual 10 juga menunjukkan 8 % (4) guru sangat setuju, 48 % (24) guru setuju, 32 % (16) guru tidak setuju dan 12 % (6) guru tidak pasti menyatakan masa yang cukup diberikan untuk berosal jawab dalam program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri. Perangkaan juga menunjukkan peratus tertinggi guru setuju (48 %) berbanding peratus terendah guru sangat setuju (8 %) menyatakan masa yang cukup diberikan untuk berosal jawab dalam program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri.

Kesimpulannya peratus tertinggi guru menyatakan setuju bahawa program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri menepati kehendak dan keperluan guru dari segi menambahkan pengetahuan dalam konsep dan tujuan sekolah bestari, memberikan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran , menambahkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran,

jadual waktu disesuaikan mengikut keselesaan peserta, persediaan pengajar adalah amat baik, gaya penyampaian membuat peserta rasa ingin belajar lagi dan tidak jemu dan masa yang cukup diberikan untuk berosal jawab. Peratus kedua tertinggi guru menyatakan tidak setuju program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri memenuhi keperluan dan kehendak guru dari segi keperluan peserta dikenalpasti, jangka masa kursus disesuaikan dengan kehendak peserta dan saya dapat mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan IT.

4.2.3 Soalan Kajian 3.

Apakah bentuk program perkembangan staf sekolah bestari yang sesuai untuk guru pada masa hadapan ?

1. Hari yang sesuai untuk mengadakan program perkembangan staf.

Jadual 11 : Hari yang sesuai untuk program perkembangan staf.

Hari yang sesuai untuk program perkembangan staf	Peratus (%)	Jumlah (N)
Selepas waktu persekolahan	34	17
Semasa hari persekolahan	24	12
Hujung minggu (Sabtu / Ahad)	38	19
Cuti sekolah	2	01
Lain-lain	2	01
Jumlah	100	50

Jadual 11 menunjukkan 34 % (17) guru memilih selepas waktu persekolahan, 24 % (12) guru memilih semasa hari persekolahan, 38 % (19) guru memilih hujung minggu (Sabtu / Ahad), 2 % (1) guru memilih cuti sekolah dan 2 % (1) guru memilih lain-lain untuk diadakan program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru memilih hujung minggu (Sabtu / Ahad) (38 %) berbanding peratus terendah guru memilih cuti sekolah dan lain-lain (2 %) untuk dijalankan program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

2. Jangka masa satu-satu program perkembangan staf.

Jadual 12 : Jangka masa satu-satu program perkembangan staf.

Jangka masa satu - satu program perkembangan staf	Peratus (%)	Jumlah (N)
1 - 3 jam	78	39
3 - 6 jam	08	04
Sehari	08	04
Seminggu	04	02
Lain - lain	02	01
Jumlah	100	50

Jadual 12 menunjukkan 78 % (39) guru memilih 1 - 3 jam, 8 % (4) guru memilih 3 - 6 jam , 8 % (4) guru memilih sehari, 4 % (2) guru memilih seminggu dan 2 % (1) guru memilih lain-lain untuk jangka masa satu - satu program perkembangan

staf sekolah bestari pada masa hadapan. Dapatan ini menunjukkan peratus guru tertinggi memilih 1 - 3 jam (78 %) berbanding peratus terendah guru memilih lain-lain (2 %) untuk jangka masa satu-satu program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

3. Tempat yang sesuai untuk program perkembangan staf.

Jadual 13 : Tempat yang sesuai untuk program perkembangan staf.

Tempat yang sesuai untuk program perkembangan staf	Peratus (%)	Jumlah (N)
Di sekolah	62	31
Pusat Kegiatan Guru	24	12
Pejabat Pendidikan Daerah	02	01
Jabatan Pendidikan Negeri	08	04
Lain-lain	04	02
Jumlah	100	50

Jadual 13 menunjukkan 62 % (31) guru memilih di sekolah, 24 % (12) guru memilih di Pusat Kegiatan Guru, 2 % (1) guru memilih di Pejabat Pendidikan Daerah, 8 % (4) guru memilih di Jabatan Pendidikan Negeri dan 4 % (2) guru memilih tempat lain untuk dijalankan program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru memilih sekolah (62 %) berbanding peratus terendah guru memilih di Pejabat Pendidikan Daerah (2 %) untuk dijalankan program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

4. Bilangan peserta dalam satu program perkembangan staf.

Jadual 14 : Bilangan peserta dalam satu-satu program perkembangan staf.

Bilangan Peserta (orang)	Peratus (%)	Jumlah (N)
1 - 10 orang	14	07
10 - 20 orang	32	16
Semua guru dalam satu sekolah	48	24
Bergabung dengan guru dalam satu daerah	04	02
Lain - lain	02	01
Jumlah	100	50

Jadual 14 menunjukkan 14 % (7) guru memilih bilangan peserta 1 - 10 orang, 32 % (16) guru memilih bilangan peserta 10 - 20 orang, 48 % (24) guru memilih bilangan peserta semua guru dalam satu sekolah, 4 % (2) guru memilih bilangan peserta bergabung dengan guru sekolah lain dalam satu daerah dan 2 % (1) guru memilih lain-lain untuk menentukan bilangan peserta dalam satu-satu program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru memilih bilangan peserta untuk semua guru dalam satu sekolah (48 %) berbanding peratus terendah guru memilih lain - lain (2 %) untuk bilangan peserta yang sesuai dalam satu - satu program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

5. Status tenaga pengajar.

Jadual 15 : Status tenaga pengajar.

Status tenaga pengajar	Peratus (%)	Jumlah (N)
Guru yang telah mengikuti kursus	42	21
Pegawai Jabatan Pendidikan Daerah	00	00
Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri	06	03
Pegawai Kementerian Pendidikan	46	23
Lain-lain	06	03
Jumlah	100	50

Jadual 15 menunjukkan 42 % (21) guru memilih guru yang telah mengikuti kursus, 6 % (3) guru memilih Pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri, 46 % (23) guru memilih Pegawai daripada Kementerian Pendidikan dan 6 % (3) guru memilih lain-lain untuk menentukan status tenaga pengajar program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan ini menunjukkan peratus tertinggi guru memilih Pegawai daripada Kementerian Pendidikan (46 %) dan peratus terendah guru memilih Pegawai daripada Jabatan Pendidikan Daerah (6 %) dan lain-lain (6 %) untuk menjadi tenaga pengajar program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

4.2.4 Soalan kajian 4.

Apakah keperluan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari untuk guru pada masa hadapan ?

Jadual 16 : Keperluan kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

Kurikulum program perkembangan staf pada masa hadapan	Tahap keperluan guru				Jumlah
	Sangat perlu	Perlu	Kurang perlu	Tidak perlu	
Memahami konsep dan misi sekolah bestari dengan jelas	68 % (34)	30 % (15)	2 % (1)	0 % (0)	100 % (50)
Memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran	72 % (36)	28 % (14)	0% (0)	0 % (0)	100 % (50)
Menambahkan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan	74 % (37)	26 % (13)	0 % (0)	0 % (0)	100 % (50)
Mendapatkan kursus literasi komputer	64 % (32)	32 % (16)	4 % (2)	0 % (0)	100 % (50)
Mendapatkan pengetahuan peranan <i>stake holder</i> dalam sekolah bestari	44 % (22)	44 % (22)	6 % (3)	6 % (3)	100 % (50)
Memberikan panduan sistem penilaian dalam sekolah bestari	60 % (30)	36 % (18)	0 % (0)	4 % (2)	100 % (50)
Mendapatkan kursus pengurusan dan pentadbiran sumber sekolah bestari	58 % (29)	40 % (20)	0 % (0)	2 % (1)	100 % (50)

Dari Jadual 16 menunjukkan 68 % (34)guru sangat perlu, 30 % (15) guru perlu dan 2 % (1) guru kurang perlu kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan menekankan pemahaman konsep dan misi sekolah bestari dengan jelas. Perangkaan ini juga menunjukkan peratus tertinggi guru sangat perlu (68%) berbanding peratus terendah guru kurang perlu (2 %) kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan menekankan pemahaman konsep dan misi sekolah bestari dengan jelas.

Jadual 16 juga menunjukkan 72 % (36) guru sangat perlu dan 28 % (14) guru menyatakan perlu kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran. Perangkaan ini juga menunjukkan peratus tertinggi guru sangat perlu (72 %) berbanding peratus terendah guru perlu (28 %) kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 16 menunjukkan 74 % (37) guru sangat perlu dan 26 % (13) guru perlu menambahkan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan pada kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Peratus tertinggi guru sangat perlu (74 %) dan peratus terendah guru perlu (26 %) kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan menambahkan pengetahuan mengenai penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan.

Jadual 16 menunjukkan 64 % (32) guru sangat perlu, 32 % (16) guru perlu dan 4 % (2) guru kurang perlu untuk mendapatkan kursus literasi komputer pada kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Peratus tertinggi guru sangat perlu (64 %) berbanding peratus terendah guru kurang perlu (4 %) mendapatkan kursus literasi komputer pada kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

Jadual 16 menunjukkan 44 % (22) guru sangat perlu, 44 % (22) guru perlu, 6 % (3) kurang perlu dan 6 % (3) guru tidak perlu mendapatkan pengetahuan peranan *stake holder* dalam sekolah bestari dalam program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Dapatan ini juga mendapati peratus tertinggi guru sangat perlu (44 %) dan perlu (44 %) berbanding peratus terendah guru kurang perlu (6 %) dan tidak perlu (6 %) untuk mendapatkan pengetahuan peranan *stake holder* dalam sekolah bestari dalam kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

Jadual 16 turut menunjukkan 60 % (30) guru sangat perlu, 36 % (18) guru perlu dan 4 % (2) guru tidak perlu mendapatkan panduan sistem penilaian dalam sekolah bestari dalam kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan juga menunjukkan peratus tertinggi guru sangat perlu (60 %) berbanding peratus terendah guru tidak perlu (4 %) mendapatkan panduan sistem penilaian dalam sekolah bestari pada kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan.

Jadual 16 turut menunjukkan 58 % (29) guru sangat perlu, 40 % (20) guru perlu dan 2 % (1) guru tidak perlu mendapatkan kursus pengurusan dan pentadbiran sumber sekolah bestari dalam kurikulum program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Perangkaan juga menunjukkan peratus tertinggi guru sangat perlu (58 %) berbanding peratus terendah guru tidak perlu (2 %) mendapatkan kursus pengurusan dan pentadbiran sumber sekolah bestari dalam kurikulum program perkembangan staf pada masa hadapan.

4.2.5 Soalan Kajian 5.

Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari?

Jadual 17 : Hubungan antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

Konsep matlamat bestari dan sekolah	Kelayakan akademik tertinggi				Jumlah
	MCE / SPM	HSC / STPM	IJAZAH	LAIN- LAIN	
Amat faham	0% (0)	0 % (0)	2.6 % (1)	33.3 % (1)	4 % (2)
Faham	66.7 % (2)	100 % (5)	84.6 % (33)	33.3 % (1)	82 % (41)
Kurang faham	33.3 % (1)	0 % (0)	12.8 % (5)	33.3% (1)	14.0 % (7)
Jumlah	100 % (3)	100 % (5)	100 % (39)	100 % (3)	100 % (50)

Chi-Square = 10.498, df = 6, sig = 0.105

Dari Jadual 17 menunjukkan 2.6 % (1) guru yang mempunyai kelayakan akademik Ijazah menyatakan amat faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari berbanding 33.3 % (1) guru yang mempunyai kelayakan akademik lain-lain juga menyatakan amat faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

Analisis juga menunjukkan 66.7 % (2) guru yang mempunyai kelayakan akademik MCE / SPM menyatakan faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari berbanding 100 % (5) guru yang mempunyai kelayakan HSC / STPM, 84.6 % (33) guru yang mempunyai kelayakan Ijazah dan 33.3 % (1) guru yang mempunyai kelayakan lain-lain juga menyatakan faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

Jadual 17 juga menunjukkan 33.3 % (1) guru berkelayakan MCE / SPM, 12.8 % (5) guru berkelayakan Ijazah dan 33.3 % (1) guru berkelayakan lain-lain menyatakan kurang faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

Analisis secara keseluruhan juga mendapati 4 % (2) guru amat faham , 82 % (41) guru faham dan 14 % (7) kurang faham mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

Walau bagaimanapun nilai chi-square = 7.369, df = 6 dan sig = 0.288 (t.s) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari. Ini menunjukkan sama ada guru berkelayakan akademik MCE / SPM ,

HSC / STPM, Ijazah dan lain-lain tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari.

4.2.6 Soalan kajian 6.

Adakah terdapat hubungan di antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum program perkembangan staf pada masa hadapan ?

Jadual 18 : Hubungan antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum program perkembangan staf pada masa hadapan.

Memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam PPS pada masa hadapan	Pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari				Jumlah
	Amat faham	Faham	Kurang faham	Tidak faham	
Sangat perlu	100 % (1)	70.4 % (19)	66.7 % (12)	100 % (4)	72 % (36)
Perlu	0 % (0)	29.6 % (8)	33.3 % (6)	0 % (0)	28 % (14)
Jumlah	100 % (1)	100 % (27)	100 % (18)	100 % (4)	100 % (50)

Nilai Chi Square = 2.234. df = 3 sig = .525

Jadual 18 menunjukkan 100 % (1) guru amat faham , 70.4 % (19) guru faham, 66.7 % (12) guru kurang faham dan 100 % (4) guru tidak faham mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari sangat perlu mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari pada program perkembangan staf pada masa hadapan. Perangkaan juga mendapati 29.6 % (8) guru faham, 33.3 % (6) guru kurang faham mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari perlu mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dalam program perkembangan staf pada masa hadapan.

Analisis secara keseluruhan menunjukkan 72 % (36) guru menyatakan sangat perlu dan 28 % (14) guru menyatakan perlu mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran pada program perkembangan staf pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun nilai chi- square = 2.234, df = 3 dan sig = .525 (t.s) menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan pemahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan untuk mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran pada program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan. Ini menunjukkan sama ada guru amat faham, faham, kurang faham dan tidak faham mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari tidak mempengaruhi keperluan mendapatkan panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran dalam program perkembangan staf pada masa hadapan.

4.3 Kesimpulan .

Bahagian ini telah melaporkan keputusan kajian mengenai bentuk dan keperluan program perkembangan staf untuk guru sekolah bestari. Bahagian pertama bab ini melaporkan latar belakang sampel kajian dari segi bangsa, jantina, umur, kelayakan akademik tertinggi, kelayakan profesional tertinggi, bilangan program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri dan peringkat program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri. Jawapan kepada semua ciri latar belakang sampel kajian diperolehi melalui taburan kekerapan dan peratus. Jawapan soalan kajian satu hingga empat diperolehi melalui taburan kekerapan dan peratus. Jawapan bagi soalan lima dan enam pula yang berkaitan hubungan antara variabel menggunakan kaedah ' cross tabulation ' dan nilai chi- square . Analisis korelasi ini mengambil signifikan pada aras 0.05.

Dapatan kajian memberikan gambaran tentang tahap pemahaman guru serta keperluan program perkembangan staf pada masa hadapan. Jumlah sampel kajian ini ialah 50 orang guru yang terdiri daripada 27 guru lelaki dan 23 guru perempuan. 34 orang guru yang menjadi sampel kajian berumur antara 31 - 40 tahun dan sebahagian besar berkelayakan akademik ijazah. Rata - rata bilangan program perkembangan staf yang telah dihadiri oleh guru - guru antara 1 - 5 kali dan bertempat di sekolah.

Peratus tertinggi guru menunjukkan pengetahuan dan pemahaman sekolah bestari pada tahap faham untuk lima dari enam ciri yang dikaji. Ia meliputi aspek konsep dan matlamat sekolah bestari, penggunaan teknologi maklumat, konsep dan

proses pengajaran pembelajaran sekolah bestari, pentadbiran sumber secara efektif serta peranan dan sumbangsan badan luar yang berkepentingan.

Peratus tertinggi guru turut menyatakan setuju bahawa program perkembangan staf sekolah bestari yang telah dihadiri dapat menepati kehendak dan keperluan guru. Aspek-aspek tersebut ialah menambahkan pengetahuan dalam konsep dan tujuan sekolah bestari, memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran, menambahkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi maklumat, gaya penyampaian pengajar membuat peserta rasa ingin belajar lagi dan tidak jemu serta masa yang cukup diberikan untuk bersoaljawab.

Dapatan kajian dapat menentukan bentuk program perkembangan staf sekolah bestari pada masa hadapan yang dipilih oleh guru-guru. Bentuk program perkembangan staf yang dipilih oleh guru ialah diadakan pada hujung minggu (Sabtu / Ahad), jangka masa satu-satu program perkembangan staf antara 1 - 3 jam , bertempat di sekolah, bilangan peserta meliputi semua guru dalam satu sekolah dan tenaga pengajar dari Pegawai Kementerian Pendidikan.

Peratus tertinggi guru turut memerlukan program perkembangan staf pada masa hadapan menekan aspek-aspek seperti konsep dan misi sekolah bestari, memberi panduan dalam strategi pengajaran dan pembelajaran, menambahkan pengetahuan tentang penggunaan teknologi maklumat , mendapat kursus literasi komputer, mendapatkan panduan sistem penilaian dalam sekolah bestari dan mendapatkan kursus pengurusan dan pentadbiran sumber sekolah bestari.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelayakan akademik tertinggi guru dengan pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan matlamat sekolah bestari. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan kefahaman guru mengenai konsep dan proses pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari dengan keperluan mendapatkan panduan dan strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum program perkembangan staf pada masa hadapan.